

JABATAN KORPORAT

TARIKH:04.12.2023 MASA:11.30am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 4/2023

TARIKH / MASA / TEMPAT

05 DISEMBER 2023 (SELASA)

8.45 PAGI

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Barisan Ketua WHIP dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaray Seberang Perai

Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai yang dikasihi

Rakan-Rakan media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Melati Kuntum Tumbuh Melata,
Sayang Merbah di pohon cemara,
Saya hulur pembuka bicara,
Selamat Pagi & Assalamualaikum mulanya kata.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita bersama-sama hadir dalam **Majlis Perhimpunan Korporat Bandaraya Siri 4 / 2023** pada pagi ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan serta semua Kakitangan MBSP dan Wira-Wira Oren yang saya kasihi. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai. Sesungguhnya Perhimpunan seumpama ini merupakan satu platform dalam memastikan hasrat dan aspirasi MBSP dapat disampaikan kepada seluruh warga kerja MBSP.
3. Sesungguhnya masa begitu pantas berlalu dan kita telah pun berada di penghujung tahun 2023. Tidak berapa lama sahaja lagi kita akan melangkah pula ke tahun 2024. Semoga dengan sambutan Tahun Baharu, semua warga kerja MBSP dapat mempertingkatkan azam dan kesungguhan dalam melaksanakan setiap tugas. Tugas

yang dibuat dan dilaksanakan ini adalah juga dikira sebagai amal ibadah yang berterusan dan insyallah mendapat limpahan rahmat Allah S.W.T. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang, jangan lupa konsep ABC (**Amanah, Betul dan Cepat**) dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan serta tugas seharian.

4. *Corporate Priorities 2024* telah dihasilkan hasil daripada sesi wacana dan *brainstorming* bersama Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Hasrat saya adalah untuk merakyatkan MBSP. MBSP perlu menjadi sebuah PBT yang mudah didekati, berhemah namun masih mengekalkan prinsip tegas pada perkara yang betul dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Perkara yang perlu diberi tumpuan adalah dalam aspek pemantapan kebersihan, pemerksaan penguatkuasaan dan peningkatan hasil. Saya berharap agar Ketua-Ketua Jabatan menghebahkan kepada semua kakitangan di bawah seliaan tuan / puan mengenai halatuju 2024 kita yang baru agar semua dapat bergerak seiring menjadikan tahun 2024 lebih cemerlang.
5. Di kesempatan ini, saya ingin berkongsi pencapaian-pencapaian dan kejayaan yang diperolehi hasil usaha keluarga MBSP sejak September hingga November 2023. Saya berasa bangga kerana

setakat hari ini, kita boleh lihat usaha-usaha dan pencapaian yang amat memberangsangkan daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Antaranya ialah:

- i. MIP *MyPlace 2023* anjuran *Malaysian Institute Of Planners*, MBSP telah menerima Anugerah *Diamond Winner* bagi kategori *City and Town Park* di bawah kategori 50 hektar melalui Projek *Revitalising Green Corridor A Radical Intervention: Bouganvillea Belt*.
- ii. Pasukan Bola Sepak MBSP FC telah mendapat Naib Johan di dalam Kejohanan Futsal Piala Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang 2023.
- iii. Pada 28 September 2023, kontingen MBSP (PERMAI) telah berjaya memenangi tempat kedua dalam perarakan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Pulau Pinang.
- iv. AKRAB MBSP yang mewakili Negeri Pulau Pinang dalam Anugerah AKRAB Kebangsaan 2023, telah memenangi Kategori Dinamik pada 03 Oktober 2023.
- v. MBSP juga telah menerima Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Cemerlang bagi Kempen Pencegahan Denggi di Kawasan Keutamaan PBT (Taman Siakap) 2022 sempena Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia 2023 pada 17 Oktober 2023.

- vi. Dalam Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 yang telah diadakan pada 02 November 2023. MBSP telah berjaya menerima:
- a. Anugerah *Innovation Blast* kategori bukan ICT: Tempat Kedua untuk Projek *Multipurpose Cleaning Trolley*;
 - b. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi kategori bukan ICT: Tempat Ketiga untuk Projek *Upcycle Lane*
 - c. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi kategori ICT: Tempat ketiga untuk projek Sistem Pengurusan Kawasan Perindustrian Bebas Perai (Sistem EFIZ Perai).
- vii. Di Majlis Pelancaran Malaysia *SDG Cities Network* dan Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023, MBSP adalah di antara 10 penerima Anugerah *National Scroll of Honour Award for Human Settlements (NSOHA) 2023* bagi Projek: "*Butterworth Baharu Regeneration Program: Empowering Community & Public Spaces (5th Consolation)*". Sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2023. Sebanyak 97 projek telah diterima bagi NSOHA 2023. MBSP merupakan di antara 45 PBT di Malaysia yang turut menerima Sijil Penghargaan Penyediaan Pelan Hala Tuju SDGs dan pelaksanaan *Voluntary Local Review (VLR)*.

- viii. *Penang Smart Parking* telah menerima Penerima Terbaik Trek Infrastruktur sempena Majlis Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023 pada 07 November 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya.
- ix. Pada 09 November 2023 bersempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Tahun 2023 bertempat di Putrajaya, MBSP mendapat Penarafan Bandar Pintar Malaysia yang julung kali diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019 – 2025. Objektif utama penarafan ini adalah untuk mengiktiraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah melaksanakan inisiatif Bandar Pintar (*Smart City*) yang berpandukan kepada indikator-indikator di dalam *Malaysia Standard (MS) ISO 37122:2019*. Antara insentif kepada *Smart City Early Adopter* adalah:-
- a. Sijil *Smart City Early Adopter*;
 - b. *Plaque*; dan
 - c. Peruntukkan RM200,000.00 daripada Jabatan Kerajaan Tempatan bagi melaksanakan insentif Bandar Pintar.
- x. Sempena Penganjuran *Luna Lights Wonderland 2023*, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mendapat pengiktirafan dan disenaraikan dalam *The Malaysia Book of*

Records atas pencapaian dan kejayaan pemasangan dan pameran 1,400,000 lampu bulb LED dalam pameran lampu cahaya (*Most LED Lightbulbs in Lightning Event*) di *Vision Park* pada 14 November 2023. Program masih berlangsung sehingga malam Tahun Baru iaitu 1 Jan 2024 dan semua dijemput hadir.

- xi. *Carbon Disclosure Project (CDP)* merupakan platform pelaporan bagi pengesahan *Carbon Inventory*. Selain kegunaan CDP, platform ini juga merupakan pelaporan wajib bagi badan antarabangsa yang mana MBSP telah menjadi ahli iaitu GCoM, ICLEI, *Daring Cities* dan WWF (OPCC). Pelaporan yang dijalankan adalah merangkumi perancangan dan pelaksanaan pelan serta program mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim dan MBSP telah berjaya menghantar pelaporan tersebut pada bulan Julai 2023 dan pada 15 November 2023, MBSP telah mendapat skor (A-) bagi *Carbon Disclosure Project (CDP)* pada peringkat antarabangsa untuk tahun 2023.

6. Untuk makluman semua, Majlis Bandaraya Seberang Perai juga telah disenarai pendek sebagai 10 bandar terbaik yang terdiri daripada beberapa negara lain yang turut disenarai pendek iaitu Brazil, Colombia, india, Mexico, Amerika Syarikat dan United Kingdom bagi *Toyota Mobility Foundation (TMF): Sustainable Cities Challenge* bagi merebut hadiah berbentuk *grant programme* berjumlah 3 juta

USD. Penyertaan yang telah diterima oleh pihak TMF adalah berjumlah 150 penyertaan daripada 46 buah bandar seluruh dunia. Program ini merupakan kerjasama MBSP di bawah kelolaan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pembangunan Lestari bersama *United Nations Human Settlement Programme* atau dikenali *UN Habitat*. Disenarai pendek sebagai salah satu daripada 10 bandar terbaik merupakan satu pengiktirafan komitmen MBSP untuk mewujudkan persekitaran bandar yang *liveable and sustainable*.

7. Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama dan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan *Butterworth Fringe Festival 2023* (BFF 2023) pada 16–17 Disember 2023 (Sabtu – Ahad) bermula jam 5.00 petang sehingga 11.00 malam bertempat di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth. BFF 2023 akan meyajikan pengisian program tempatan dan antarabangsa.
8. Pengurusan tertinggi mengambil maklum akan perbelanjaan kesihatan yang semakin meningkat sekarang ini dan pada Mesyuarat Majlis Penuh Kali Ke-593 Bil.11/2023 bertarikh 27 November 2023 baru-baru ini telah meluluskan kenaikan kadar perbelanjaan Klinik Panel MBSP kepada Ahli Majlis / pegawai / kakitangan MBSP yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024:-:

Bil.	Kategori	Kadar Perbelanjaan Sehingga 2023 (RM)	Jumlah Kenaikan (RM)	Kadar Perbelanjaan Baharu (RM)
1.	Ahli Majlis / Kakitangan Bujang	400.00	400.00	800.00
2.	Ahli Majlis / Kakitangan Berkahwin (Suami atau isteri kakitangan MBSP)	1000.00	500.00	1500.00
3.	Ahli Majlis / Kakitangan Berkahwin (Suami dan isteri Ahli Majlis / kakitangan MBSP)	1400.00	900.00	2300.00

Selaras dengan kenaikan kadar perbelanjaan Klinik Panel MBSP, bajet tambahan sebanyak RM1.94 juta diperuntukkan dan ini menjadikan peruntukan Klinik Panel MBSP menjangkau RM4.94 juta setahun bermula tahun 2024.

9. Program MBSP *Weight Loss Challenge 2023* telah dilancarkan pada 13 Februari 2023. Program ini telah berlangsung dari 15 Februari 2023 hingga 31 Oktober 2023 dan disertai oleh seramai 248 orang peserta yang terdiri daripada empat (4) orang Ahli Majlis, 14 orang Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seramai 230 orang di kalangan warga kerja MBSP daripada pelbagai jabatan. Pada 31 Oktober 2023 timbangan akhir telah dilakukan oleh pihak urusetia program di Auditorium MBSP di mana seramai 116 orang telah hadir untuk membuat timbangan akhir. Hadiah yang disediakan oleh MBSP adalah berupa hadiah wang tunai bagi tempat pertama hingga tempat

ke-17. Saya dimaklumkan oleh urusetia timbangan akhir mendapati penurunan berat badan peserta yang paling tinggi adalah sebanyak 35 kilogram. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemenang yang bakal diumumkan sebentar nanti.

10. Seramai seorang pegawai berpangkat Inspektor dan lima (5) anggota daripada Bahagian Keselamatan dan Komuniti telah berjaya menamatkan Latihan Kursus Asas Polis Bantuan (KAPB) yang telah dijalankan selama 63 hari di Pulapol Kuching pada 1hb Disember 2023. Kursus Asas Polis Bantuan ini adalah wajib untuk mendapatkan pentauliahan untuk menjadi Anggota Polis Bantuan. Kursus ini melibatkan Latihan Kawad, Latihan Seni Mempertahankan Diri, Latihan Berenang, Latihan Menembak (senjata api), Latihan Fizikal dan Prosedur Perundangan. Tahniah dan syabas buat mereka.

11. Suka ingin maklumkan bahawa promosi "**Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP Penggal 2024 & Menang Serta Promosi Khas Tajaan ASPIRE Seberang Perai**" bagi bil cukai taksiran tahun 2024 yang telah bermula pada 1 Disember 2023 dan bakal tamat pada 29 Februari 2024. Promosi ini diadakan sebagai galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan

menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran tanpa tunai yang telah disediakan.

12. Istimewa juga buat julung kalinya, sukacita saya memaklumkan bahawa MBSP turut mengadakan **Promosi Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP 2024 Khas Kepada Warga MBSP** dan ianya merupakan tajaan ASPIRE Seberang Perai. Sebanyak 30 unit hadiah cabutan bertuah berupa peralatan elektrik atau perkakasan rumah disediakan kepada warga MBSP yang bertuah. Pengguna juga bakal menikmati 3x ganda mata ganjaran apabila membuat bayaran melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai. Bagi pengguna ASPIRE Seberang Perai yang telah mengumpul sebanyak 2,500 mata ganjaran, berpeluang untuk menebus kredit tambah nilai Touch N Go ewallet bernilai RM5.00. Info lanjut, boleh hubungi Jabatan Perbendaharaan.

13. Tahniah dan syabas buat Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan semua warga MBSP kerana telah berjaya menjawab 189 soalan DUN yang terdiri daripada 172 secara bertulis dan 17 secara lisan. Walau bagaimanapun, diharapkan semua Ketua Jabatan akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya ke atas semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri terutama yang berkaitan dengan perkhidmatan MBSP. Terima kasih di atas usaha dan komitmen semua.

14. Saya berharap agar kita semua dapat meningkatkan semangat, menggandakan usaha dan berganding bahu demi menjayakan aspirasi dan matlamat MBSP. Memetik kata-kata Vince Lombardi, seorang pelatih bolasepak, katanya: “***The achievements of an organization are the results of the combined effort of each individual***”. Sesungguhnya kejayaan hanya dapat dicapai melalui usaha dan keazaman yang tinggi serta semangat kerja berpasukan untuk menempa kecemerlangan pada masa hadapan. Saya juga mengalakkan ide-ide baru bagi memangkin MBSP ke mercu yang lebih tinggi.
15. Akhir kalam, saya ingin mengucapkan “**Selamat Menyambut Tahun Baru 2024**” buat semua warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai dan bagi penganut agama Kristian, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal atau Merry Christmas.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.